

Muhammad Anak orang Korban

Terjemahan: Muhammad Ya'kub Abdul Latif — Nilam Puri

Ha!!! Dia dapat hidup kembali! Setelah nasibnya tumbang menjadi habuan undi, menjadi habuan nazar ayahnya, dia baru lahir semula, baru mendapat hidup, baru bangkit dari kelemahan, dari ketiduran yang hampir-hampir banyak untuk selama-lamanya. Dia bangun kembali untuk menikmati suara yang lemak merdu, untuk menyambungkan cita-citanya yang indah penuh dengan keikhlasan.

Tidak ada sebarang helah baginya, juga bagi seluruh penduduk-penduduk Mekah pada setiap perkara yang berlaku, kerana hanya adat resam jualah yang menentukan sesuatu, hinggakadar seseorang, baik lelaki mahupun perempuan, sebab di sebalik adat resam itu berdirinya tuhan Manāt yang sentiasa tegak membisu, tuhan tanpa hati, tetapi di tangannya kekuasaan mengqadad sesuatu. Di sebelahnya pula tersergam tuhan Hubal, tuhan besar, tuhan Kaabah, tuhan segala tuhan, tuhan yang menentukan qadar, malah tuan bagi tuhan Manāt sendiri dan kedua-dua kawannya al-Lāt dan al-'Uzzā.

Begitulah apa yang berlaku

ke atas seseorang pemuda atau sesiapa jua, semuanya dimiliki, berdiri tegak dan menyerah kalah di hadapan semua tuhan-tuhan tadi, sebagaimana yang berlaku ke atas 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muṭalib. Dia tak mungkin untuk melepaskan diri dari kekuatan dan jagaan tuhan-tuhan yang tersebut. Walau seribu jeritan batin meminta kasihan dan keizinan dari tuhan-tuhan yang sentiasa tegak membisu di sisi Kaabah, seolah-olah penjaga Kaabah itu sendiri sejak dari masa yang lampau hingga ke saat ayahnya 'Abd al-Muṭalib. Tuhan-tuhan ini sentiasa dijaga dan diawasi di samping mendapat penghormatan yang tinggi dari seluruh kaum Quraisy.

Memang adat sajalah yang menentukan sesuatu, adatliah yang menyelamatkan hayatnya sendiri, kerana adatliah pasti dialirkan darah di bawah tapak kaki tuhan-tuhan yang dipuja dan disembah tegasnya kerana adatliah pasti dijalankan sebarang hukuman ke atas seseorang pemuda sebagaimana yang berlaku ke atas 'Abd Allāh. Demi semata-mata untuk mendapat keampunan dan kebahagiaan hidup yang diredai oleh tuhan yang tersebut tadi.

Sesungguhnya 'Abd Allāh sangat-sangat gembira, kerana dia dapat berganding lagi sama-sama ayahnya untuk bersiar-siar di pekarangan Kaabah, setelah dikurniakan hidup yang kedua baginya. Seolah-olah dialah Nabi Yūsuf sebagaimana yang diceritakan oleh pengembara yang datang dari berbagai-bagai tempat dan negeri. Dialah Yūsuf yang menitiskan air mata di bawah pangkuan dan kehibaan hati ayahnya yang penuh keyakinan dan kesabaran menunggu ketibaannya, lantaran mereka berpisah jauh di tanah asing dan perantauan.

'Abd Allāh ialah anak bongso 'Abd al-Muṭalib. Anak yang dikasihi, seorang anak yang sangat dimanjai oleh si ayah di mana sebelum 'Abd al-Muṭalib dikurniakan anak kepadanya, dia selalu ditimpa kemalangan, selalu mendapat kecelakaan. Tiada seorang pun yang sudi menolong pekerjaannya.

Pada suatu masa ketika dia sedang menggali telaga Zamzam untuk mendapatkan air buat minuman. Kaum Quraisy enggan menolongnya. Masing-masing menjauhkan diri daripada pekerjaan itu. Malah ada yang mengejek-ejek akan usaha 'Abd al-Muṭalib, tetapi 'Abd al-Muṭalib dengan ketabahan hatinya. Dia terus menggali walaupun seorang jua. Hingga dia

menjumpai mata air yang meleleh keluar perlahan-lahan dari perut bumi yang tandus. Pekerjaannya itu ialah sebahagian dari usaha sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ismā‘īl dahulu. Menitislah peluh keluar dari dahinya untuk mendapatkan air, dia menghalakan wajahnya ke Kaabah serta bertafakur kepada Tuhan “Moga-moga Tuhan mengurniakan sepuluh orang anak kepadaku. Nescaya ku akan korbakan salah seorang dari mereka itu di sisi Kaabah ini sebagai mengucap syukur dan menghampiri diriku kepada Tuhan.”

Permohonan ‘Abd al-Muṭalib itu dikabulkan Tuhan, dia berjaya mendapat sepuluh orang anak sebagaimana yang diminta. Iaitu dengan kelahiran ‘Abd Allāh sebagai anaknya yang kesepuluh, dipelihara ‘Abd Allāh dengan sepenuh-penuh kasih sayang dan kemanjaan, maklumlah anak bongsu, anak yang sangat-sangat dikasihi dan dirindui.

Pada suatu masa ‘Abd al-Muṭalib mengumpulkan kesepuluh orang anak-anaknya itu untuk memberitahu nazarnya kepada mereka. Dia membawa mereka ke hadapan Hubal. Tuhan besar, tuhan Kaabah untuk dijalankan undi. Siapakah di antara mereka yang akan terkena undi sebagai habuan nazarnya yang lepas. Undi dicabut, tiba-tiba terjatuh ke atas ‘Abd Allāh. Anak bongsunya. Anak yang sangat-sangat dikasihi. Anak yang selama ini dimanjai dan disayangi dengan

penuh mesra. Alangkah hancurnya hati ‘Abd al-Muṭalib. Anak yang dikasihi itu menjadi habuan undi. Menjadi habuan nazarnya. Orang tua itu tak berdaya membuat apa-apa. Dia tak berkuasa membantah dan mengingkari. Bahkan dia pasti menjalankan penyembelihan ke atas ‘Abd Allāh di bawah tapak kaki Hubal. Anaknyanya yang lain cuba menghalang perbuatan ayah mereka supaya darah tidak mengalir dari salah seorang saudara kandung mereka sendiri. Tetapi ‘Abd al-Muṭalib membantah dan mengusir mereka dengan kedua-dua tangannya supaya mereka menjauhinya dia takut dengan keengganannya nanti kelak menerima azab dan kecelakaan yang pedih sebagai balasan dari tuhan-tuhan mereka. Orang-orang yang berada berhampiran dengan Kaabah cuba menegah perbuatan ‘Abd al-Muṭalib. Mereka mengesyorkan supaya ditangguhkan terlebih dahulu. Moga-moga dengan ikhtiar lain dapatlah menyelamatkan kepala ‘Abd Allāh dari terpenggal di samping mendapat keredaan Hubal. Tetapi buat ‘Abd al-Muṭalib tak memperduli kata-kata mereka, malah dia akan menjalankan penyembelihan ke atas ‘Abd Allāh. Satu suara dengan lantang jelas kedengaran ditujukan kepada ‘Abd al-Muṭalib. **“Kalau kau membuat demikian, sudah tentu orang-orang lain juga akan menyembelih anak-anak mereka di sisi Kaabah ini. Apalah yang akan tinggal lagi dengan perbuatan ini?”** mereka membantah keras perbuatan ‘Abd al-Muṭalib.

Pujuk rayu kaum-kaum Quraisy tak berhenti meminta kasihan, mereka menuntut supaya ‘Abd Allāh ditebus untuk penggantinya. Akan tetapi bagi ‘Abd al-Muṭalib, tidak berganjak sama sekali. Walau apa jadi anak pasti dikorbankan di bawah tapak kaki Hubal, selagi undi terjatuh ke atasnya.

Bertalu-talu suara jeritan untuk menyelamatkan tengkuk ‘Abd Allāh, untuk melepaskannya dari qada’ yang tersebut, untuk mendapat keredaan dari bapa dan Hubal sendiri. Tetapi sayang!!! Hanya suara!! Ya. Suara tak memberi kesan apa-apa jua.

Pertelingkahan kini mulai berlaku di antara ‘Abd al-Muṭalib dengan kawan-kawannya. Salah seorang dari mereka mengesyorkan supaya pergi berjumpa dengan tukang tilik (‘urāfah) di Madinah untuk bertanya tentang pilihan ke atas ‘Abd Allāh. Mudah-mudahan tukang tilik itu dapat mencari peluang dengan memberi satu helah lain dari hukuman yang tersebut.

Pada hari yang berikutan, mereka pun keluarlah pergi mengadap tukang tilik dan terus bertanya tentang tebusan ke atas ‘Abd Allāh. Jawapan yang diterima ialah mereka boleh mengganti dengan sepuluh ekor unta dan katanya lagi “Kembalilah mengadap Tuhan kamu Hubal. Bawakan bersama-sama kamu ‘Abd Allāh dan sepuluh ekor

unta-unta kemudian undikan, sekiranya terjatuh ke atas ‘Abd Allāh, tambahkan sepuluh ekor lagi hingga dia meredai kamu, dan sekiranya undi terjatuh ke atas unta, maka korbankanlah kesemuanya. Sesungguhnya itu adalah keredaan dan keampunan dari tuhan kamu, serta keselamatan di atas anak kamu sendiri”.

Selepas itu maka berlari-larilah mereka menuju ke Kaabah dengan membawa khabar yang gembira itu. Demikian juga ‘Abd al-Muṭalib. Dia terus menuju ke Kaabah. Dia berdiri tegak di hadapan Hubal, bersama-samanya dibawa ‘Abd Allāh dan sepuluh ekor unta untuk dijadikan undi. Setelah undi dicabut, tiba-tiba terjatuh ke atas ‘Abd Allāh, ditambah sepuluh ekor unta yang baru, di samping itu ‘Abd al-Muṭalib berdoa dan memohon jua. Undi baru dijalankan. Terjatuh lagi ke atas ‘Abd Allāh, anaknya yang dikasihi. Ditambah pula sepuluh ekor unta yang lain. Di samping dijalankan undi yang baru. Begitulah hingga undi yang kesepuluh barulah terjatuh ke atas unta-unta itu.

Berdengung-dengunglah suara riang gembira yang tak putus-putus dari setiap penjuru Kaabah. Kerana kejayaan ‘Abd Allāh dari terkorban. Buat ‘Abd Allāh ia berdiri terlonjak-lonjak di hadapan ayah, saudara mara, di hadapan orang ramai dan anak-anak patung yang terpaku bisu. Seterusnya di hadapan segala-gala yang

mengelilinginya. Seolah-olah dia baru melihat alam buat kali yang pertama. Bagi ‘Abd al-Muṭalib pula dia menjerit-jerit dengan sekuat-kuat suara. Katanya: **“Korbankanlah kesemua unta-unta itu. Kemudian tinggalkanlah supaya dimakan oleh sesiapa jua. Baik manusia ataupun binatang, Jangan sekali-kali mencegahi mereka.”**

Selepas itu dari terus menuju ke arah ‘Abd Allāh serta membimbing tangan anaknya yang dikasihi itu. Ha!!! Dia dapat hidup kembali, setelah nasibnya tumbang menjadi habuan undi, menjadi habuan nazar ayahnya.

Tidak berapa lama kemudian, kedua-dua beranak itu berjalan-jalan di sekitar Mekah, pintu-pintu rumah kelihatan terbuka luas, seolah-olah untuk dilawati sang bayu untuk menikmati segala keindahan. Udara nyaman bertiup sepoi-sepoi bahasa mengibaskan anjung dan serambi rumah yang terjuntai-juntai. Berbagai-bagai rupa dan perhiasan dapat disaksi. Mungkin semuanya itu mengalu-alu dan bergembira sama di atas keselamatan ‘Abd Allāh.

Oh!!! Kaulah tuan yang terkena korban, lantaran habuan undi yang buta melulu terjatuh ke atasmu. Demi semata-mata ayahmu menunaikan nazarnya kepada tuhan yang sekian lama dahagakan darah. Walaupun ia mengasihimu, namun kepala anaknya pasti dikorbankan di kaki Hubal itu.

Bagi ‘Abd Allāh dia seperti pemuda-pemuda Quraisy yang lain. Dia tak

berkuasa mengangkat kepala di hadapan ayahnya. Malah dia hanya menyerah jua. Bapanyalah yang memiliki segala-galanya hinggakan hayatnya juga dan hayat bapanya sendiri tergadai bulat-bulat di bawah kekuasaan qadak Hubal, tuhan mereka yang ditakuti.

Mungkin tukang tilik di Madinah itu menyuruh supaya tetap dijalankan korban ke atas ‘Abd Allāh, kerana dialah orang yang dapat mengenali keredaan tuhan-tuhan patung tersergam, kaku dan bisu itu. Orang lain tak berkuasa sama sekali untuk membantah atau mengingkari segala suruhan dan larangannya. Walaupun dari kaum *millionaire* Quraisy yang ingin menebus dengan harta kekayaan mereka. Demikianlah apa yang berlaku hingga berlarut-larut lamanya.

Semenjak dari peristiwa itu ‘Abd Allāh sering menghabiskan masanya dengan bersiar-siar di jalan-jalan Mekah. Dia selalu sahaja tunduk dengan keikhlasan. Sekali-sekala dia terpandang apa yang terlintas di hadapannya. Pada suatu masa dengan tiba-tiba dia tersilai ke arah seorang perempuan muda, kacak dan cantik parasnya, dengan bentuk tubuh badan yang amat bergaya dan menarik sekali. Mukanya seolah-olah bulan yang sedang penuh purnama. Perempuan itu asyik memerhati kepadanya. Mungkin dia merasa hairan kerana ‘Abd Allāh dapat hidup kembali. Perempuan itu terus memberi pandangan yang tak putus-putus hingga memburu perasaan. Membangkit perasaan yang luar biasa. Seketika itu juga